

07/03/2000

Muhammad akui masih berasa kekok

KUALA LUMPUR, Isnin - Bekas Menteri Besar Selangor, Tan Sri Muhammad Muhd Taib berkata beliau berasa agak kekok apabila menghadiri mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno buat kali pertama hari ini sejak bercuti daripada jawatan Naib Presiden parti hampir tiga tahun lalu.

"Mula-mula rasa macam kekok juga selepas tiga tahun. Macam orang bercerai nak balik semula...jadi hari pertama itu kekok sikitlah. Tapi kawan-kawan yang ada dalam MT, semua saya kenal.

"Jadi tak ada masalah apa-apa" katanya ketika ditemui pemberita selepas menghadiri mesyuarat MT yang dipengerusikan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, petang ini.

MT Umno dalam mesyuaratnya 17 Februari lalu memutuskan menerima semula Muhammad menjalankan tugas Naib Presiden.

Bagaimanapun sebelum mesyuarat MT hari ini, beliau sudah dua kali menghadiri mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan dan Disiplin Umno yang dipengerusikan oleh Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Muhammad bercuti daripada menjalankan tugasnya sebagai Naib Presiden berikutan kes mahkamah yang dihadapinya pada 1997. Berikutan penahanannya di Lapangan Terbang Brisbane, Australia pada akhir 1996 kerana kegagalannya mengisytiharkan wang tunai dalam pelbagai mata wang berjumlah RM2.7 juta. Muhammad, 53, juga meletak jawatan sebagai Menteri Besar pada April 1997.

Pada Mei 1998, mahkamah Brisbane mengisytiharkan Muhammad yang menjadi Naib Presiden sejak 1993, bebas daripada segala tuduhan.

(END)